

PROFAIL MASTER TRAINER **JURULATIH UTAMA, SHAMSUDDIN KADIR (SK)**



Shamsuddin Kadir merupakan perunding latihan dan jurulatih utama (trainer) **SK TRAINING ACADEMY SDN BHD**. Beliau merupakan jurulatih bertauliah di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dengan sijil tauliah bernombor TTT/1533 dan juga merupakan Bendahari Kehormat bagi Pertubuhan Perunding Latihan dan Motivasi Muslim Malaysia (TAMRIN).

Beliau memiliki pengalaman yang luas dalam pelbagai bidang termasuk sumber manusia, kejuruteraan, pentadbiran, kewangan, perakaunan, pemasaran dan logistik. Antara jawatan terakhir beliau adalah **krew penerbangan sewa khas**. Beliau yang memiliki **Ijazah Pertama dalam bidang Perakaunan**, UiTM Shah Alam ini juga pernah menjadi salah seorang **ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA)**. Pada ketika ini beliau baru menamatkan pengajian di peringkat **MASTER di USM dalam bidang *Integrated Marketing Communication (IMC)***. Beliau juga merupakan **Konsultan bagi Unit Trust, Perunding Hartanah, dan juga takaful dan Wasiat**.

Sebelum menceburi dunia latihan secara langsung, beliau berpeluang menimba ilmu dan pengalaman dengan berkhidmat secara langsung di bawah seliaan beberapa **CEO terkemuka seperti Mr. Robert McKay, CEO syarikat penerbangan kargo sewa khas dan juga Tuan Yim Choong Chow, Managing Director di salah sebuah syarikat perkapalan terbesar di dunia.** Selain itu, beliau juga pernah berada di bawah seliaan pengerusi dan **CEO sebuah syarikat berkaitan dengan pengawasan radar udara laut yang berurusan dengan sistem keselamatan negara.**

Antara klien yang mendapatkan khidmat latihan beliau secara bersiri adalah **seperti Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), PETRONAS, Malaysian Qualification Agencies (MQA), LHDN cawangan Sabah, Pandan Indah, Kota Kinabalu dan Jalan Duta, Institut Latihan Kemahiran MARA, KWSP, FRIM, RISDA, PSMB Sabah, USIM, UiTM dan lain-lain lagi.** Markas Angkatan Tentera Malaysia (MATM) merupakan antara organisasi yang melantik SK Training Academy Sdn Bhd berturutan pada setiap tahun bagi kursus kenaikan pangkat dengan tajuk **Organizational Excellence: Effective Membership.**

Profail Shamsuddin Kadir

Sehingga hari ini, beliau sudah melatih lebih 50 buah organisasi di seluruh pelusuk Malaysia termasuk di Brunei.



Shamsuddin Kadir merupakan pelopor teori Smart Kaya dan juga penulis kepada 11 buah

buku di Malaysia. 3 buah bukunya telah diterjemahkan dan diterbitkan di Indonesia semenjak tahun 2007. Buku beliau juga mendapat perhatian dan ulasan di suratkhbar Utusan, Kosmo dan Metro. Dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM) terbitan TV1, pengacara Tuan Sayed Munawar telah mengklasifikasikan salah satu bukunya iaitu buku Hidup Tenang Walaupun Berutang sebagai **“Bacaan Wajib bagi setiap orang yang ada hutang”** Beliau juga ditemuramah rancangan Malaysia Hari Ini (MHI) TV3, Rancangan 360 TV3, Respons, dan lain-lain dalam membincangkan mengenai isu kewangan. Shamsuddin Kadir dijemput keudara di **BERNAMA Radio24** pada setiap Rabu bulan Ramadhan. Beliau turut diundang secara khusus bagi slot khas kewangan di rancangan Malaysia Hari Ini (MHI) TV3 pada hari Isnin, setiap 2 minggu.

